


Pendekatan Membaca Bersama (Shared Book Approach)

Matlamat Pendekatan Membaca Bersama (Shared Book Approach) adalah untuk:

- memberikan pengalaman yang menarik minat kanak-kanak kepada buku;
- menunjukkan contoh membaca buku yang baik;
- menggalakkan kanak-kanak menggunakan bahasa Melayu dalam suasana yang selesa;
- mengukuhkan pemahaman tentang cerita yang didengar; dan
- mengajar dan mengukuhkan kemahiran berbahasa Melayu.



Pendekatan Membaca Bersama boleh dijalankan dalam beberapa langkah:



Langkah 1 - Pengenalan tema dan konsep

Guru memperkenalkan tema dan konsep yang akan disentuh dalam Buku Besar melalui perbincangan dan aktiviti. Contohnya; melalui tayangan video, memainkan lagu, melukis atau melakukan aktiviti ringkas sebagai induksi.



Langkah 2 - Pengenalan bagi Buku Besar

Guru memperkenalkan buku melalui ilustrasi pada kulit buku, membacakan tajuk buku, nama penulis dan juga nama pelukis.

Guru berinteraksi bersama kanak-kanak berdasarkan ilustrasi di dalam buku. Sesi interaksi ini menggunakan teknik Pembacaan Dialogik (*Dialogic Reading*).

Selepas sesi ini, guru akan bercerita dengan menggunakan intonasi, aksi dan bahan yang sesuai. Sekiranya ada pertanyaan, guru memberikan respons ringkas agar tidak terlalu terganggu.



Langkah 3 - Pembacaan Buku Besar

Guru membaca buku tanpa henti dengan menggunakan penunjuk. Kanak-kanak yang sudah mempunyai kemahiran membaca digalakkan membaca secara lantang bersama-sama guru.

Langkah 3 bolehlah diulang beberapa kali dalam sesi-sesi seterusnya.

Ketika menjalankan langkah-langkah yang disarankan, guru boleh mengambil peluang untuk:

- mengajar kosa kata
- menggunakan lagu dan puisi
- main peranan
- menggunakan permainan bahasa
- menulis bersama